



Pahang agih makanan RM4.8 juta persiapan Monsun Timur Laut

Oleh **Mohd Rafi Mamat** - November 4, 2022 @ 8:26am
bhnews@bh.com.my



KUANTAN: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pahang selesai mengagihkan barangan keperluan makanan kering bernilai RM4.8 juta bagi menghadapi bencana Monsun Timur Laut (MTL) ke 156 pangkalan hadapan di negeri ini.

Pengarah JKM Pahang, Datuk Zulkhairi Zainol Abidin, berkata peruntukan persediaan menghadapi MTL disediakan kerajaan Pahang di bawah Kumpulan Wang Amanah Jawatankuasa Malapetaka Negeri Pahang (KWANP) dan pihaknya bertanggungjawab untuk menguruskan.

Katanya, penghantaran sembilan jenis barangan seperti beras, gula, garam, kopi, teh, biskut, minyak masak, makanan dalam tin dan kari ayam dalam tin bermula 22 Oktober lalu dilakukan secara berperingkat.

Beliau berkata, apabila banjir berlaku, barangan makanan kering itu akan agihkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) untuk kegunaan mangsa banjir, selain diberikan kepada mangsa yang terputus hubungan.

"Di Pahang terdapat sebanyak 808 PPS disediakan bagi menempatkan mangsa banjir, selain sekolah turut dijadikan PPS ialah balai raya, dewan serba guna dan balai penghulu.

"Kakitangan JKM dibantu Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), sukarelawan JKM dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bertanggungjawab menguruskan setiap PPS," katanya.

Beliau berkata demikian pada pelancaran flag off penghantaran bekalan makanan kering bencana ke 18 pangkalan hadapan daerah ini disempurnakan Pegawai Daerah Kuantan, Datuk Tengku Datuk Nor Asmaliza Ku Lah, di sini semalam.

Zulhairi menambah, daerah Temerloh mempunyai sebanyak 33 PPS, diikuti Jerantut (19), Kuantan (18), Lipis (15), Pekan (14), Rompin (14), Maran (12), Bera (12), Raub (11), Bentong (5) dan Cameron Highlands (3).

Katanya, jabatan menyediakan aplikasi yang menyediakan maklumat bencana, selain statistik dan fasiliti yang disediakan pihaknya bagi menghadapi MTL.